

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Monday, 20 February, 2017 2:57 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: Kebudayaan Teras Jalinan Kerjasama UUM-JKKN Kedah



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

20 FEBRUARI 2017, ISNIN | 23 JAMADILAWAL 1438H



HEP: Kebudayaan sememangnya merupakan teras jalinan kerjasama antara dua pihak. Oleh yang demikian, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, Kedah (JKKN) menjadikan kunjungan ke Pusat Budaya dan Seni (PBS), Universiti Utara Malaysia (UUM) pada hari ini bagi mengeratkan hubungan kerja dan bertukar-tukar idea mengenai pelaksanaan aktiviti kesenian dan kebudayaan.

Pengarah JKKN Kedah, Salmiyah Ahmad berkata kunjungan mereka ke PBS adalah peluang yang dinantikan oleh para stafnya.

Lawatan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dijalankan di UUM dan di Negeri Kedah.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Hussain, universiti adalah berperanan penting dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat, dan sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan, kesejahteraan dan sosial budaya.

“Saya yakin lawatan ke universiti mampu memberi lebih manfaat dan pendedahan kepada kakitangan JKKN dan sekaligus mengukuhkan hubungan dua hala yang sudah lama terjalin.

“Kerjasama harus dimantapkan supaya kegiatan kebudayaan dan kesenian di Negeri Kedah dapat berjalan dengan baik dan memberi impak positif yang besar kepada masyarakat,” katanya.

Rombongan JKKN Kedah disambut mesra oleh Pengarah PBS bersama-sama dengan stafnya. Selepas sesi bergambar, rombongan mereka turut dihiburkan dengan dua nyanyian dari Artis Budaya PBS Sukena Md Arif dan kemudian dibawa melawat Galeri Seni PBS serta satu taklimat ringkas disampaikan di Bilik Mesyuarat Fadzil Shaari.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.